

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN
IDRIS [JERANTUT]**

NO. SOALAN : 69

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang
diambil bagi memaksimumkan penggunaan yang
disediakan di mini 'Rural Transformation Centre' (RTC)
di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha untuk memastikan Mini Pusat Transformasi Luar Bandar (Mini RTC) dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat luar bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Menjadikan Mini RTC sebagai Pusat 'Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan' kepada penduduk kampung dalam mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan secara atas talian melalui Kiosk 1Malaysia seperti maklumat berkaitan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), permohonan kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP), permohonan kemasukan ke Universiti Awam (UA), permohonan pekerjaan, perkhidmatan MyEG dan sebagainya;
- ii. Mengadakan Program Kolaborasi bersama agensi kerajaan, swasta dan NGO bagi menjadikan Mini RTC sebagai platform penyampaian perkhidmatan

kepada penduduk di sekitar premis Mini RTC, seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Klinik Kesihatan Malaysia, Pernec Corporation Berhad, CIDB Malaysia, Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC) dan sebagainya;

- iii. Menjadikan Mini RTC sebagai pusat pengumpulan produk luar bandar dengan kolaborasi bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan sebagainya;
- iv. Berkolaborasi dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menjadikan Mini RTC sebagai Ejen Bank Berdaftar (EBB) bagi menawarkan perkhidmatan simpanan, pengeluaran, pembayaran bil-bil utiliti dan tambah nilai kredit;
- v. Menyediakan latihan kemahiran desa jangka pendek kepada penduduk sekitar premis Mini RTC bagi tujuan untuk melahirkan usahawan baru serta meningkatkan pendapatan penduduk; dan

- vi. Melaksanakan program merapatkan jurang digital di mana penduduk luar bandar dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta mendapat peluang dan akses yang sama kepada kemudahan dan capaian maklumat.

Dengan langkah-langkah di atas, Mini RTC dapat memainkan peranan sebagai pemacu program transformasi luar bandar ke arah peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan penduduk luar bandar.